

## PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIPATUHI OLEH CALON SEMASA MENGHADIRI TEMU DUGA/UJIAN KHAS

### 1. Mematuhi Etika Pakaian Yang Ditetapkan

#### Etika Pakaian Lelaki

- Berpakaian formal, sesuai dan kemas iaitu bertali leher, berseluar panjang dengan berbaju kemeja (*tuck-in*);
- Memakai kasut dan berstokin;
- Baju T dan seluar jeans tidak dibenarkan;
- Sandal/selipar tidak dibenarkan;

#### Rambut Lelaki

- Berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kolar baju;
- Fesyen rambut tidak keterlaluan;
- Rambut tidak boleh diwarnakan;

#### Etika Pakaian Perempuan

- Berpakaian formal, sopan, kemas, sesuai dan tidak menjolok mata;
- Baju mesti berlengan panjang atau paras siku dan tidak ketat serta tidak menunjukkan bentuk tubuh badan;
- Solekan, aksesori dan pewangi secara sederhana;
- Sandal/selipar tidak dibenarkan;
- Baju T dan seluar jeans tidak dibenarkan;

### 2. Membawa Kad Pengenalan /MyKad

Calon diminta membawa kad pengenalan/ MyKad ATAU dokumen pengenalan diri lain yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

### 3. Dokumen Asal

Anda dikehendaki membawa bersama dokumen asal seperti berikut beserta salinan yang telah disahkan:

- Kad Pengenalan/MyKad Calon;
- Sijil SPM/Setaraf;
- Sijil Kelahiran Calon;
- Sijil Berhenti Sekolah/Surat Akuan; dan
- Diploma/Sijil-sijil lain, jika ada (STPM/Setaraf, Sijil Kemahiran dll)

#### **4. Membawa Slip Menghadiri Temu Duga/Ujian Khas**

- Calon diminta membawa Slip Menghadiri Temu Duga/Ujian Khas;
- Slip Menghadiri Temu Duga/Ujian Khas boleh dicetak melalui laman web rasmi Universiti Pendidikan Sultan Idris (<https://kemasukan.upsi.edu.my/>)
- Kegagalan membawa Slip Menghadiri Temu Duga/Ujian Khas boleh menyebabkan calon dihalang daripada menghadiri temu duga.

#### **5. Maklumat Ujian Khas**

- Ujian adalah secara lisan
- Merangkumi aspek al Quran, Bahasa Arab dan Jawi
- Masa yang diperuntukkan bagi setiap calon ialah 15 minit

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi :

Pejabat Jabatan Pengajian Islam

No. telefon pejabat : 05-4505040

Emel : [kj.islam@fsk.upsi.edu.my](mailto:kj.islam@fsk.upsi.edu.my)

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi nombor seperti di atas pada waktu pejabat. (8.00 pagi – 5.00 petang).